



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 5 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BIROKRASI TIDAK MESRA PETANI, RENCANA, UM -15	JABATAN PERTANIAN (DOA)
2.	DVS KEMUKA CADANGAN BANTU PENTERNAK, ONLINE, SH	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	MUSANG KING DURIANS WORTH RM6,000 SEIZED AT KLIA, NEWS/NEWS IN BRIEF, NST -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	GAGAL BAWA MUSANG KING KE INDONESIA, NASIONAL, BH -26	
5.	HASRAT BAGI BOS MAKAN DURIAN GAGAL, NEGARA, KOSMO -14	
6.	SELUDUP HERBA CHINA, NEGARA, KOSMO -14	
7.	FAMA MENGUKUHKAN RANTAIAN BEKALAN DAN JAMINAN MAKANAN, ONLINE, HAKAKAH	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	RM2,4 JUTA WUJUDKAN 10 KEDAI BERGERAK, ONLINE, SH	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	PKP DORONG HAKIMI BERKEBUN SAYUR, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Birokrasi tidak mesra petani

**FATIMAH
MOHAMED
ARSHAD**



SEJAK kebelakangan ini petani menyuarakan beberapa masalah penyampaian benih. Antaranya kekurangan bekalan menyebabkan hasil terjejas, kualiti tidak memuaskan, kadar kesuburan kurang daripada 70 peratus, harga mencecah RM60 hingga RM80 satu beg atau lebih dua kali ganda daripada harga siling. Masalah lain, pembekal terbatas kepada kilang besar dan agensi kerajaan menyebabkan petani tidak berpeluang kerana tuntutan prosedur kualiti di luar kemampuan mereka.

Malangnya tiada data sahih untuk menentu sahkan sejauh mana kekurangan benih sebenarnya. Adakah lokasi, kuantiti inventori, pemegangnya, komposisi ikut usia benih? Nyata, walau ada teknologi komunikasi maklumat (ICT), pangkalan data mengenai benih padi kukar-kacir.

Jika data ada, dengan mudah kita boleh menyatakan di mana berlaku kekurangan atau lebihan, lantas penyelesaiannya. Kekurangan di satu lokasi boleh ditampung dari lokasi lain tetapi ini tidak berlaku sekarang.

Apapun, insiden kekurangan benih yang dilaporkan oleh petani walaupun berlaku di beberapa lokasi tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Ini kerana ia membongkar beberapa hakikat.

Pertama, kuasa pasaran iaitu imbalan permintaan dan penawaran adalah lebih kuat daripada kawalan harga. Iaitu, apabila berlaku kekurangan (permintaan melebihi bekalan), harga mencecah tinggi.

Berbeza dengan input lain, benih perlu ada pada masa, lokasi, kuantiti dan kualiti yang tepat pada harga berpatutan, varieti menepati ciri agroekologi setempat dan permintaan petani. Sebarang



ISU kekurangan benih yang dilaporkan petani tidak boleh diabaikan begitu sahaja kerana ia membongkar beberapa kelemahan. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

kecacatan, memusnahkan kelicinan pengeluaran. Mungkin hakikat ini tidak disedari oleh penggubal polisi sehingga wujud masalah penyampaian serius.

Kedua, pengurusan benih memerlukan 'kesatuan dan kelicinan usaha' yang cekap daripada pembekal, penjual dan kerajaan. Perbualan dengan beberapa petani mendedahkan, masalah akibat kelewatan Kementerian (Jabatan Pertanian) dalam memperbaharui kuota kepada pembekal. Ini menyebabkan pembekal tidak dapat mengeluarkan benih kepada pengeluar dan petani menjadi terdesak hingga terpaksa membeli benih yang tidak sah pada paras yang tinggi. Ada petani melaporkan, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) menjual benih berusia lebih enam bulan. Kelemahan birokrasi yang 'tidak mesra petani' menyebabkan kerugian besar.

Ketiga, bilangan pembekal adalah kecil terdiri daripada agensi kerajaan dan kilang besar yang menyebabkan sistem agihan tidak fleksibel.

Bayangkan jika terdapat ramai pembekal maka faedahnya adalah masalah kekurangan diminimalkan, wujud persaingan lantas kecekapan penyampalan dan kualiti.

THAILAND

Hujah menyokong jumlah pembekal yang kecil kerana keperluan kualiti adalah tipis. Sebenarnya tiada perkaitan antara bilangan pembekal dan kualiti. Ini kerana kualiti adalah neutral kepada saiz. Industri benih padi di Thailand membuktikannya. Pembekal utama benih padi mereka terdiri daripada *community rice centres* (sejumlah 2,500 pada 2017) bersama 67 koperasi mengeluarkan 125,500 tan benih. Mereka membeli benih asas daripada kerajaan dan mengeluarkan benih komersial. Nyata benih tidak memerlukan kilang besar atau agensi untuk menamakan benih padi komersial. Selain petani, sektor swasta turut membekal 150,000 tan daripada 200 pengusaha dan kualiti dipantau oleh syarikat swasta itu sendiri.



Ada petani melaporkan, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) menjual benih yang berusia lebih enam bulan."

Pada masa sama, Thailand mempertahankan sistem pembekalan benih informal iaitu benih padi yang dikeluarkan oleh petani untuk varieti padi tempatan bagi merekayasa biodiversiti tempatan. Ini menjadikan industri padi lebih pelbagai dan dinamik.

Keempat, monopoli borongan hanya menyempitkan rantaian bekalan benih padi. Dalam rajah, rantaian bekalan ini nampak kemas tetapi di

lapangan, ia tidak dapat menampung pelbagai kepentingan dan kesulitan petani. Sembilan pembekal, satu pemborong dan 145 PPK untuk memberi khidmat kepada 320,000 petani adalah struktur yang tidak seimbang dan adil. Laporan Audit Negara (2019) menyatakan, purata kelewatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menyampaikan baja adalah antara 14 hingga 222 hari menunjukkan masalah logistik untuk memenuhi keperluan petani yang ramal.

Seperti yang dibuktikan oleh Bank Dunia, pemusatan agihan baja kepada satu agensi memberi beberapa impak. Pertama, ia menyebabkan industri input tempatan tidak wujud lantas tiada pelaburan. Import ke atas baja berterusan selama lima dekad sehingga menyebabkan kos pengeluaran meningkat tahun demi tahun. Ini adalah kesan di luar jangkaan pemusatan. Kini struktur ini diulangi untuk benih, maka impak sama mungkin berlaku.

Nyata kita perlu mewujudkan pasaran benih yang lebih kompetitif di semua tahap, membuka peluang kepada petani dan koperasi dan meraikan pasaran benih formal dan informal. Mungkin kita perlu mempelajari dari Thailand yang menekankan kepada falsafah berikut. Pertama, tujuan sistem agihan benih adalah pelbagai iaitu sekuriti makanan, pembangunan ekonomi, keusahawanan dan pengurusan biodiversiti. Kedua, menghayati keperluan mempertahankan dan memajukan kedua-dua sistem benih formal dan informal serentak.

Dan ketiga, melaksanakan pendekatan pluralistik ke atas pembangunan benih di tahap polisi melibatkan pelbagai pemain industri dan sektor swasta. Besar kemungkinan, penerapan falsafah akan mengubah pembangunan industri benih padi Malaysia ke arah pertumbuhan yang inklusif dan lestari.

PENULIS ialah Ketua Kluster Pertanian dan Sekuriti Makanan, Akademi Profesor Malaysia

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

DVS KEMUKA CADANGAN BANTU PENTERNAK



SHAH ALAM - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memandang serius aduan diterima berkaitan harga makanan haiwan ternakan yang melambung khususnya sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurut kenyataan DVS, susulan aduan diterima, pihaknya telah mengadakan perbincangan bersama pemain industri yang terdiri daripada pengimport, pengeluar, pembekal makanan ternakan dan penternak bagi mencari solusi terbaik menangani masalah kenaikan harga makanan ternakan berkenaan.

Katanya, antara faktor kenaikan harga makanan ternakan adalah disebabkan kenaikan harga bahan mentah untuk penghasilan makanan ternakan.

“Bahan mentah untuk makanan ayam seperti jagung dan soya adalah sumber import yang memang ada kenaikan di peringkat dunia. Selain itu, jabatan ini juga telah mengemukakan beberapa cadangan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membantu penternak-penternak yang terkesan.

“Antara cadangan yang dikemukakan ialah elaun pelaburan semula, pengecualian cukai pendapatan dan tabung pinjaman mudah untuk meneruskan operasi,” kata kenyataan itu pada Khamis.

Sinar Harian pada Khamis melaporkan kebimbangan dalam kalangan penternak lembu dan kambing di Malaysia berhubung kenaikan harga dedak sehingga lebih enam kali sejak lebih setahun lalu yang dikhuatiri boleh menyebabkan harga daging tempatan meningkat menjelang sambutan Ramadan dan Aidilfitri nanti.

Pada masa yang sama, rata-rata golongan penternak turut memohon kerajaan mengawal harga makanan ruminan selain menyediakan pelan jangka pendek dan panjang bagi mengatasi kemelut yang berlaku antaranya dengan menetapkan harga siling atau meletakkan ia sebagai barang kawalan.

Dalam pada itu, DVS memaklumkan pihaknya kini dalam proses menyediakan kertas dasar bagi cadangan untuk pengurangan eksport PKC/PKE melalui kerjasama DVS-MPI sebanyak 250,000 metrik tan bagi mengekalkan 10 hingga 20 peratus dalam negara dan 80 hingga 90 peratus untuk pasaran eksport dengan harga yang kompetitif.

“Kerjasama strategik antara pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI bersama pemain industri turut dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran jagung bijian tempatan secara komersial dan kajian lebih menyeluruh berkaitan kos kawalan penyakit serta peningkatan kualiti jagung bijian tempatan dengan kos pengeluaran minimum.

“Kita juga mendapatkan sumber bekalan bahan mentah makanan ternakan terutamanya bijirin jagung daripada negara jiran Asia seperti Indonesia dan Thailand berbanding Brazil dan Argentina bagi mengurangkan kos logistik,” katanya.

Menurut kenyataan sama, membina gudang simpanan besar bagi stok makanan ternakan di pantai timur seperti saranan FGV Holdings Berhad (FGV) juga satu pilihan.

Jelasnya, penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Sime Darby juga dibuat bagi menghasil dan memperkenalkan bahan mentah gantian yang bersesuaian sebagai bahan mentah utama dalam penghasilan makanan ternakan khususnya untuk makanan ternakan seperti Purafex iaitu rumusan makanan untuk unggas berasaskan PKE.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2021	NST	NEWS/NEWS IN BRIEF	12

Musang King durians worth RM6,000 seized at KLIA

SEPANG: Sixteen Musang King durians worth RM6,000, believed to be bound for Indonesia, were seized by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) at Kuala Lumpur International Airport on Tuesday. Selangor Maqis acting director Zamri Hashim said the durians were seized during a routine inspection. The durians, weighing 56kg and packed in four boxes, were seized from a local man who failed to produce an export permit and phytosanitary certificate. It is believed the fruit was meant to be sent to the man's employer in Indonesia. Zamri said action would be taken under Section 11 (2) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 for exporting agricultural products without a permit, which provides a maximum fine of RM100,000 or up to six years' jail or both. **Bernama**

Gagal bawa Musang King ke Indonesia

MAQIS rampas 4 kotak buah bermilai RM6,000 daripada lelaki tempatan

Oleh Moor Atiqah Sulaiman
btnews@bh.com.my

Sepang: Jabatan Perkhidmatan Kuaranthi dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 16 durian Musang King dianggarkan bernilai RM6,000 yang cuba dibawa ke Indonesia, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLLA), di sini.

Pemangku Pengarah MAQIS Selangor, Zamri Hashim, berkata durian terbabit dirampas selepas seorang lelaki warga Malaysia be-

mendapati buah berkenaan diper-cayai untuk dihantar kepada majikan lelaki itu di Indonesia," katanya dalam kenyataan, semalam.

Zamri menegaskan, perbuatan mengeksport sebarang tumbuhan luaran pertanian, tanah atau mikroorganisma tanpa permit, adalah salah mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuaranthi dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan, boleh di-hukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya me-

rusia 30-an yang membawanya gagal mengemukakan permit eksport dan sijil fitosanitasi dalam kejadian pada Selasa lalu.

Delam pemeriksaan rutin MAQIS bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), beliau berkata, lelaki yang bekerja dengan sebuah syarikat penerbangan itu didapati membawa empat kotak mengandungi 16 durian Musang King.

"Semua durian seberat 56 kilogram itu dianggarkan bernilai RM46,000. Hasil pemeriksaan lanjut



MAQIS merampas empat kotak berisi durian Musang King yang cuba dibawa ke Indonesia pada Selasa lalu. (Foto ihsan MAQIS)

nambah MAQIS sentiasa tegas, cekap dan teliti dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan di pintu masuk seluruh negara.

Katanya, langkah itu bagi men-

jamin keselamatan pertanian dan makanan negara, selain memastikan makanan yang keluar dari Malaysia mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan.

Pefugas penerbangan ditahan bersama 16 biji musing king bernilai RM6,000 di KLIA

Hasrat bagi bos makan durian gagal

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

SEPANG – Cubaan seorang pembantu operasi sebagai sebuah syarikat penerbangan untuk menyeludup keluar 16 biji durian musing king ke Indonesia gagal apabila ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini baru-baru ini.

Lelaki tempatan berusia 31 tahun itu dipercayal bertindak sedemikian untuk memenuhi permintaan majikannya di Indonesia yang mahu menikmati raja buah tersebut.

Pemangku Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor, Zamri Hashim berkata, suspek ditahan dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang membuat pemeriksaan ke atasnya pukul 12.30 tengah hari pada Selasa lalu.

Menurutnya, hasil pemeriksaan menemui empat buah kotak berisi 16 biji buah durian musing king seberat 56 kilogram (kg) bernilai RM6,000. Harga durian itu dianggarkan RM107 sekilogram.

"Siasatan mendapati, buah durian tersebut dipercayai untuk dihantar kepada majikannya di Indonesia yang juga pengarah syarikat penerbangan tersebut.

"Lelaki terbabit telah bekerja dengan syarikat penerbangan



EMPAT kotak berisi 16 biji durian musing king dirampas Maqis di KLIA, Sepang baru-baru ini.

ini sejak tiga tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Zamri berkata, kesemua buah durian itu dirampas kerana suspek gagal mengemukakan permit eksport dan sijil fitosanitasi

Katanya, perbuatan mengek-

спорт tumbuhan, binatang, karas, ikan, ketubuhan pertanian, tanah atau mikroorganisma tanpa permit adalah salah mengikut Seksyen 11(2), Akta Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].



NILAH durian musing king yang dianggarkan berharga RM107 sekilogram.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama yang memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Tindakan penguatkuasaan penting bagi menjamin keselamatan pertanian dan makanan negara selain memastikan makanan yang keluar mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2021	KOSMO	NEGARA	14



ANTARA kotak berisi herba yang dirampas Maqis di laluan kargo import, BSI, Johor Bahru baru-baru ini.

Seludup herba China

JOHOR BAHRU - Tindakan sebuah syarikat menyeludup masuk 4,881.50 kilogram (kg) herba dari China bernilai RM446,882 gagal apabila ditahan di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini Selasa lalu.

Produk yang diisi di dalam kotak itu dikesan pukul 12.45 tengah hari ketika pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor melakukan pemeriksaan terhadap sebuah lori di BSI.

Maqis Johor satu dalam

kenyataan berkata, pemeriksaan berkenaan dijalankan di laluan kargo import sebelum menemui lori terbabit.

"Hasil pemeriksaan menemui barang dagangan seberat 4,881.50kg dengan anggaran bernilai RM446,882.17.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, barangan itu tidak mematuhi syarat import yang ditetapkan Maqis," katanya.

Menurutnya, pemandu lori berusia 45 tahun itu kemudiannya ditahan dan diambil keterangan sebelum dibebaskan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2021	HARAKAH	ONLINE	

FAMA MENGUKUHKAN RANTAIAN BEKALAN DAN JAMINAN MAKANAN



Walaupun pengeluaran makanan kita agak tinggi, Malaysia masih lagi banyak bergantung kepada import makanan.

Kita mampu menghasilkan makanan secukupnya untuk rakyat, dan kita sememangnya boleh merealisasikan cita-cita mewujudkan jaminan makanan (*food security*) untuk negara. Kurniaan tanah yang subur oleh Ilahi masih banyak belum dibangunkan sepenuhnya untuk pertanian, memungkinkan cita-cita ini tercapai. Kita juga mempunyai jaringan pemasaran dan pengagihan yang amat luas untuk menyampaikan hasil tani yang diraih kepada pengguna.

Potensi besar untuk menjamin bekalan makanan ini saya saksikan sendiri semasa siri lawatan Tinjau MoF Kementerian Kewangan ke Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Dengkil baru-baru ini. Bersama-sama saya adalah YB Dato' Haji Che Abdullah Mat Nawi, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), dan YB Dato' Hj. Mohd Fasih Hj. Mohd Fakeh Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta lain-lain pemimpin FAMA Negeri dan Persekutuan.

Kemudahan yang dibina pada tahun 1981 ini dikenali sebagai Kompleks Bilik Sejuk (KBS) FAMA Dengkil, dan telah sama-sama menyumbang kepada usaha menangani senario pemasaran hasil tani yang terkesan pandemik **COVID-19**, seperti juga lain-lain pusat FAMA di seluruh negara sepanjang awal tahun lalu sehinggalah awal tahun ini.

Tempoh hampir setahun sejak bermulanya pandemik telah menjadi satu medan ujian kepada peranan FAMA mengekalkan jaminan makanan untuk negara, apabila pasaran-pasaran makanan segar dan saluran-saluran logistik beroperasi pada tahap terhad, menyebabkan lambakan hasil. Sebagai contoh, Encik Yusuf Lang Buana dari Jerantut, Pahang telah menawarkan hasil timun beliau sebanyak lebih satu tan secara percuma kepada orang ramai berikutan kegagalan menjualnya kepada pemborong susulan PKP. FAMA muncul sebagai penyelamat, membeli hasil tanaman beliau dan situasi yang sama turut berlaku di tempat lain di seluruh negara.

Alhamdulillah, rangkaian pusat-pusat FAMA telah berjaya mengekalkan rantai bekalan hasil tani daripada 5,958 petani kepada 5,510 usahawan untuk kegunaan 8.10 juta pengguna di seluruh Malaysia. Kejayaan ini bermakna ramai pemegang taruh di dalam rantai bekalan makan negara – para petani, pembekal dan pengguna – telah dapat meneruskan aktiviti dan kehidupan seharian tanpa diganggu gugat oleh kekurangan bekalan. Bagi saya ini adalah demonstrasi salah satu unsur penting dalam menjamin bekalan makanan, iaitu kemampuan

untuk mengekalkan dan memajukan rantaian bekalan makanan untuk rakyat. Belanjawan 2021 turut memberikan penekanan kepada aspek pertanian dan jaminan makanan.

Sehubungan itu, bagi tahun 2021, beberapa inisiatif utama bagi sektor pertanian dan industri makanan akan dilaksanakan antaranya seperti berikut:

Pertama: Peluasan Program Kebun Komuniti kepada komuniti separa bandar dan luar bandar dengan peruntukan berjumlah RM30 juta.

Kedua: Pelaksanaan Projek Pertanian Organik di peringkat komuniti dengan peruntukan RM50 juta dan dijangka memanfaatkan 1,000 komuniti;

Ketiga: Pelaksanaan Program Ladang e-Satelit dengan peruntukan RM10 juta.

Keempat: Pembiayaan di bawah Program Pemodenan Vessel dan Mekanisasi Tangkapan sebanyak RM150 juta.

Kelima: Pembiayaan di bawah Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan sebanyak RM60 juta.

Keenam: Pelaksanaan Program Pengembangan Akuakultur dengan peruntukan RM10 juta.

Ketujuh: Pelaksanaan projek pertanian dan penternakan berimpak dan bernilai tinggi dengan peruntukan RM100 juta.

Dalam sesi-sesi turun padang saya sebelum ini saya juga telah bertemu ramai petani muda yang celik terhadap keperluan pemodenan sektor pertanian. Wajah-wajah baru inilah yang akan membawa sektor pertanian negara ke tahap yang lebih tinggi, sudah tentunya dengan sokongan agensi pelaksana seperti FAMA.

YB SENATOR DATO' SRI TENGKU ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan Malaysia – [HARAKHADAILY](#) 4/3/2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

RM2.4 JUTA WUJUDKAN 10 KEDAI BERGERAK



BUKIT GANTANG - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperuntukkan RM2.4 juta untuk mewujudkan sebanyak 10 kedai bergerak, di 50 kawasan Parlimen seluruh negara mulai bulan hadapan.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dijangka melancarkan program kedai bergerak itu di Sepang, Selangor pada akhir bulan ini.

Beliau berkata, cadangan melaksanakan kedai berkenaan telah dicadangkan LKIM dan mendapat kelulusan dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

“Kita mengadakan kedai bergerak itu di kawasan yang mempunyai pejabat LKIM dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), untuk menjual pelbagai barangan keperluan harian dan ikan,” katanya pada sidang akhbar selepas Program Kedai Bergerak Bukit Gantang Prihatin di tapak pasar malam Sungai Kerang, Trong dekat sini pada Khamis.

Pada program itu, sebanyak satu tan ikan kembung telah diedarkan kepada penduduk di kawasan Trong, dengan setiap penduduk mendapat dua kilogram ikan secara percuma.

Syed Abu Hussin Hafiz yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang berkata, kedai bergerak itu merupakan usaha kerajaan untuk membantu rakyat yang terkesan dengan pandemik Covid-19, bagi mendapatkan barangan keperluan dengan harga yang berpatutan dan menikmati diskaun 30 peratus.

Ditanya mengenai bekalan ikan di pasaran, beliau berkata, harga ikan di pasaran masih dapat dikawal dan bekalan tidak terjejas.

“Bekalan ikan hanya berkurangan apabila berlakunya musim tengkujuh,” jelasnya.

Mengenai program kedai bergerak di kawasan Parlimen Bukit Gantang, Syed Abu Hussin berkata, pihaknya mengadakan enam kali kedai bergerak dalam tempoh sebulan di DUN Trong, Kuala Sepetang dan Changkat Jering.

Beliau berkata, program ini bertujuan membantu rakyat yang terjejas akibat Covid-19 kerana sebahagian mereka terputus bekalan, oleh kerana aktiviti perniagaan tidak dapat dijalankan.

“Saya ingin pastikan seluruh pengundi di Bukit Gantang tidak putus bekalan makanan, dan semua rumah masih ada keperluan barangan untuk dimasak dan dimakan.

“Kita juga sedia ‘food basket’ (bakul makanan) untuk mereka yang tidak mampu dan ia akan dihantar kepada rakyat yang memerlukan,” katanya.

Syed Abu Hussin Hafiz berkata, sebagai pengerusi LKIM beliau bertanggungjawab untuk mengelolakan pasaran ikan di negara ini.

“Ada keperluan kita untuk dapatkan ikan dan kita agihkan secara percuma. Ikan kembung berharga RM7.30 dan kalau di pasar berharga antara RM12 hingga RM15 sekilogram,” katanya dan turut mencadangkan pemberian ayam dan telur ayam secara percuma selepas ini, sehingga pandemik Covid-19 kembali pulih. - Bernama

5/3/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

S1

Aktiviti 'suka-suka' mendatangkan hasil

PKP dorong Hakimi berkebun sayur

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

ARAU: Mengisi masa terluang yang panjang di rumah sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini, mencetus idea bagi seorang peniaga, Noor Hakimi Kamis, 56, mengusahakan kebun sayur-sayuran di kawasan laman kediamannya di Jalan Syed Husin, Pauh di sini.

Siapa sangka, aktiviti secara suka-suka bagi menghilangkan rasa 'bosan' berikutan PKP itu, kini mampu memberi pendapatan tambahan kepada Noor Hakimi selain hasilnya turut disumbangkan secara percuma kepada saudara-mara dan kenalan.

Berkat usaha tersebut, laman rumah Noor Hakimi kini menghiijau dengan tanaman sayur-sayuran seperti sawi, bayam, kailan, bendi dan pelbagai lagi.

Jelas bapa kepada enam orang anak itu, sepanjang tempoh PKP lalu, dia banyak meng-



Masa PKP lalu, saya banyak menghabiskan masa di rumah sekali gus tercetus idea untuk mengusahakan kebun di laman rumah..."

NOOR HAKIMI KAMIS

habiskan masa mengusahakan tanaman tersebut dan dalam tempoh dua minggu sahaja kebanyakan sayur-sayuran sudah membuahakan hasil.

"Masa PKP lalu, saya banyak menghabiskan masa di rumah sekali gus tercetus idea untuk mengusahakan kebun di laman rumah yang lapang itu. Satu ke-

puasan apabila melihat hasil dan suasana yang menghiijau ini.

"Hasil tanaman tersebut saya jual di kedai-kedai dan sekurangnya bolehlah menjana sedikit pendapatan tambahan daripada tidak buat apa di rumah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tambah Noor Hakimi, dia bercadang memperluaskan lagi tanaman dengan pelbagai jenis sayur-sayuran selepas ini.

Katanya, aktiviti berkebun bukan sahaja membuahakan hasil, malah, turut menyihatkan tubuh badan khususnya pada waktu pagi dan sebelah petang.

"Saya lihat satu trend ketika ini apabila ramai yang mengisi masa terluang dalam tempoh PKP lalu dengan mengusahakan pelbagai tanaman di laman rumah masing-masing.

"Apabila melihat hasil, kami akan bertambah semangat untuk menambah pelbagai lagi jenis tanaman lain. Bercucuk tanam ini merupakan satu aktiviti yang sangat menyeronokkan," kata peniaga pakaian itu.



MENGISI masa terluang berikutan PKP baru-baru ini, mendorong Noor Hakimi Kamis mengusahakan tanaman sayur-sayur di laman rumah di Jalan Syed Husin Pauh, Arau, Perlis. -UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB